

Bekalan bawang mencukupi

Seberang Jaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan bawang mencukupi termasuk ketika sambutan Tahun Baharu Cina tahun depan.

Menterinya Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, ketika ini kerajaan mengimport bawang dari tiga negara selepas pembekal bawang terbesar negara iaitu India terpaksa menghentikan import atas beberapa faktor.

“Sekarang kita mengimport bawang dari Belanda, China dan Pakistan, dan itu menjamin bekalan bawang kita mencukupi sehingga musim perayaan nanti.

“Bagaimanapun, hasil tinjauan KPDNHEP mendapati trend kenaikan harga bawang ini bermula ketika bawang dibawa masuk ke negara kita,” katanya.